eTiQa
Insurans Am

Insurans Kebakaran Jangka Panjang

Pelan perlindungan perumahan kakitangan awam

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Etiqa General Insurance Berhad atau PIDM layari www.pidm.gov.my). | Ahli PIDM

Diunderait oleh Etiqa General Insurance Berhad (Co. Reg. No.: 197001000276)

Lindungi kediaman anda untuk orang yang tersayang

Insurans Kebakaran Jangka Panjang adalah pelan yang melindungi rumah anda sekiranya berlaku kerugian atau kerosakan disebabkan oleh kebakaran, kilat, letupan dan banjir.

Ciri-Ciri Utama

Manfaat utama adalah untuk melindungi rumah anda sekiranya berlaku kerugian atau kerosakan akibat:
a) Kebakaran
b) Kilat
c) Letupan yang berpunca daripada gas yang digunakan untuk tujuan domestik
d) Banjir **Baharu**

Pilihan perlindungan tambahan:
a) Pecahan atau limpahan tangki, peralatan atau paip air rumah
b) Ribut dan taufan
c) Gempa bumi dan letusan gunung berapi
d) Penenggelaman dan gelinciran tanah
e) Kerosakan oleh pokok tumbang atau dahan atau objek daripadanya

Nota:
1) *Jumlah perlindungan adalah bergantung kepada tempoh pembiayaan perumahan anda.*
2) *Sila hubungi kami untuk maklumat lanjut tentang manfaat, terma dan syarat.*
3) *Hanya layak untuk Pemohon Skim Pembiayaan Perumahan Kerajaan (LPPSA) sahaja.*

Pengecualian Insurans Kebakaran Jangka Panjang

Polisi ini tidak melindungi kerugian tertentu seperti:

a. Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh pecahan atau limpahan tangki, peralatan atau paip air rumah;
b. Ribut, puting beliung dan angin taufan;
c. Gempa bumi dan letusan gunung berapi;
d. Penenggelaman dan gelinciran tanah;
e. Pembakaran harta benda atas perintah pihak berkuasa;
f. Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh perang atau risiko seumpamanya;
g. Kerosakan disebabkan oleh keganasan; atau
h. Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh pencemaran radioaktif, radiasi nuklear atau risiko seumpamanya.

Nota:
Sila hubungi kami untuk maklumat lanjut tentang manfaat, terma dan syarat.

Nota Penting Insurans Kebakaran Jangka Panjang

Sila pastikan Jumlah Diinsuranskan untuk sesebuah bangunan mengikut kadar nilai semasa supaya anda mendapat jumlah yang sepatutnya sekiranya anda perlu membuat tuntutan kelak.

Tempoh penangguhan selama 60 hari akan diberikan dari tarikh perlindungan berkuat kuasa untuk pembayaran premium.

Risalah ini bertujuan untuk rujukan sahaja dan tidak boleh diambil kira sebagai kontrak.

Etiqa General Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Semua Premium, caj dan fi lain-lain (jika berkenaan) akan tertakluk pada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa cukai Malaysia. Ia adalah penting untuk menyimpan setiap resit yang telah anda terima sebagai bukti pembayaran premium.

06/2024/LTFI/PIDM

Etiqa Oneline 1300 13 8888
www.etiqa.com.my

Etiqa General Insurance Berhad (197001000276)
(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013
dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)
Dataran Maybank, No. 1, Jalan Maarof,
59000 Kuala Lumpur, Malaysia.

T +603 2297 3888
F +603 2297 3800
E info@etiqa.com.my

Hubungi kami di

Etiqa myetiqa